

Kakitangan Gred N UMSKAL ikuti Kursus Pengurusan Dokumen Siri 1/2016

4B 31 Mac 16 B2

LABUAN: Seramai 32 kakitangan Gred N Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menghadiri Kursus Pengurusan Dokumen Terperingkat Berkesan Siri 1/2016 di Bilik Mesyuarat Aras 11,

Bangunan Menara UMSKAL pada 29-30 Mac lalu.

Kursus dua hari itu dianjurkan Unit Latihan Bukan Akademik, Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UMS dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran

UMSKAL.

Pengarah Pejabat Pegawai Keselamatan Wilayah Persekutuan Labuan Mathew Leefe Anak Musa mengendalikan kursus dua hari itu.

Beliauturut menyampaikan ceramah bertajuk Ancaman

Keselamatan dan Kesannya Terhadap Pengurusan Rahsia Rasmi serta Pengurusan Keselamatan Dokumen dari Perspektif Akta Rahsia Rasmi.

Turut menyampaikan ceramah ialah Mohd Nadzri Sofian dan Mohamad Esalan Mohamad Salleh.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik sentiasa menggalakkan kakitangan untuk mengikuti pelbagai kursus yang bukan sahaja memenuhi keperluan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 6 Tahun 2005 tetapi juga memberi manfaat kepada kakitangan dalam menjalankan tugas seharian.

“Kakitangan awam perlu menghadiri latihan selama tujuh hari setahun seperti mana yang dikehendaki dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil.6 Tahun 2005,” katanya.



MATHEW (lima kiri) dan Mas Adi (empat kiri) bersama peserta Kursus Dokumen di Bilik Mesyuarat Eksekutif Aras 11, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.